



بروناي دارالسلام سنترال بڠٹا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK



PENGURUSAN KEWANGAN YANG LEBIH BIJAK DALAM DUNIA DIGITAL

Pada era telefon pintar dan perkhidmatan atas talian, kewangan digital mengubah cara kita mengurus kewangan. Dari perbankan mudah alih ke pembayaran tanpa sentuh, terdapat banyak kaedah teknologi yang sedia ada. Namun, penggunaan yang bijak adalah penting.

Sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan ataupun National Financial Literacy Day (NFLD), berikut adalah beberapa tip untuk membantu awda mengurus wang dengan lebih baik, melindungi diri dan orang tersayang, serta membuat keputusan kewangan secara bijak dengan penggunaan kaedah digital:

1. Tetapkan Matlamat Kewangan Awda

Sama ada awda merancang untuk melanjutkan pelajaran, membeli rumah, bersara, atau bercuti ke luar negeri, langkah pertama awda hendaklah menetapkan matlamat kewangan yang jelas dan realistik. Mula dengan mengenal pasti matlamat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang awda. Awda boleh menggunakan kaedah digital seperti aplikasi bajet untuk merekod dan menilai perkembangan matlamat awda secara kerap.

Matlamat kewangan memberikan hala tuju yang jelas untuk memperuntukkan wang awda. Pastikan setiap simpanan ada matlamatnya.

2. Jadikan Menyimpan Wang sebagai Tabiat Positif, Bukan Bebanan

Simpanan yang berkesan bermula dengan konsistensi dan disiplin. Tetapkan pemindahan secara automatik ke akaun simpanan awda sebelum berbelanja. Lama kelamaan, jumlah yang kecil pun boleh berkembang dengan ketara. Semak semula belanjawan awda secara kerap dan kurangkan perbelanjaan yang tidak penting jika perlu.

Simpan dahulu, berbelanja kemudian. Meningkatkan simpanan juga bermaksud membentuk tabiat kewangan yang positif.

3. Manfaatkan Pembayaran Digital dengan Bijak

Pembayaran digital memberikan cara yang pantas, selamat, dan boleh dikesan untuk mengurus perbelanjaan awda. Sama ada melalui kod QR atau pemindahan dalam talian, alat digital membantu mempercepatkan pembayaran dan mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan membawa wang tunai. Pastikan peranti dan aplikasi awda sentiasa dikemas kini, gunakan kata laluan yang kukuh, dan pantau transaksi awda dengan kerap.

Menggunakan pembayaran digital tidak bererti awda tidak perlu mengawal transaksi awda. Kekalkan keselamatan dan kawalan ke atas kewangan awda.

4. Lindungi Diri Awda dalam Dunia Digital

Apabila transaksi kewangan digital semakin digunakan secara meluas, risikonya juga meningkat. Ingat untuk hanya berurusan dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB. Berwaspada terhadap penipuan kewangan, jangan sekali-kali berkongsi maklumat peribadi atau perbankan, dan laporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Pengguna yang celik kewangan ialah pengguna yang terlindung. Layari laman web BDCB untuk senarai penuh institusi kewangan yang berlesen oleh BDCB dan Alert List BDCB.

Dengan menggunakan kewangan digital, kita dapat membentuk tabiat kewangan yang lebih kukuh, melindungi wang kita, dan membuat keputusan yang lebih bermaklumat. Sama ada awda bermula secara kecil-kecilan atau mempunyai matlamat yang besar, setiap langkah yang diambil pada hari ini akan menghasilkan kedayaatahanan kewangan untuk masa hadapan.

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara celik kewangan yang diterajui oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan. Antara objektif acara ini adalah untuk:

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam
2. Menggalakkan pengurusan wang yang bijak
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di Negara Brunei Darussalam

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan.